

APENDIKS C

Sesi Temubual Bersama Pegawai Syariah MAIS. (Perbualan Melalui Telefon)

Nama Pegawai : Juraish Bin Kamaruddin,
Jawatan : Pegawai Syariah Majlis Agama Islam Selangor,
Tarikh : 11 Februari 2009

- 1. Bolehkah saya mendapat sedikit maklumat mengenai MAIS? Adakah MAIS mempunyai bahagian yang menjurus kepada penyelidikan bioetika atau berkaitan isu bioteknologi??**

Pihak MAIS buat masa ini tidak mempunyai bahagian khas untuk menjalankan penyelidikan berkaitan isu bioetika atau global. Isu-isu yang terpilih lebih banyak berkaitan dengan hukum syarak yang di bawah bidang kuasa jawatankuasa fatwa negeri Selangor.

- 2. Adakah pegawai MAIS terlibat dalam proses pengeluaran fatwa?**

Ya. Terdapat pegawai yang terlibat sebagai panel dalam proses pengeluaran fatwa iaitu membawa keputusan fatwa dari hasil muzakarah bagi mendapatkan persetujuan Sultan atau DYMM Yang Di Pertuan Agung, tetapi tidak terlibat untuk menganalisis isu tersebut. Pada hemat saya, Puan boleh merujuk pihak JMS bagi maklumat lanjut.

*Maka peranan MAIS tidak dibincangkan di dalam penyelidikan ini.

APENDIKS C

Sesi Temubual bersama Pegawai Penyelidik Sains dari Pusat Sains & Teknologi IKIM: Sesi Temubual Bersama Pegawai Sains IKIM

**Nama Pegawai: Cik Rosmidzatul Azila Bt. Mat Yamin (Bioetika&Biodiversiti)
: PuanNorkumala Bt Awang (Bioetika &GMO)**

**Tarikh : 10 April 2007
Tempat : Bilik Pegawai IKIM**

SOALAN 1:

Apakah peranan utama IKIM dalam mengimplementasi bidang bioetika? Apakah kaedah atau metodologi yang terlibat bagi menyampaikan maklumat mengenai bioetika?

Peranan utama IKIM dalam implementasi Bioetika adalah secara umum. IKIM memainkan peranan dalam menyampaikan maklumat terkini tentang isu semasa yang berkaitan dengan Bioetika tetapi menjadikan agama sebagai panduan utama. Di samping memberi kesedaran dan kefahaman tentang isu-isu bioetika melalui ceramah,seminar dan melalui hasil karya-karya artikel yang diadakan khas untuk semua lapisan masyarakat.

SOALAN 2:

Pada pandangan puan adakah IKIM telah memainkan peranan dengan berkesan dan bagaimana dengan maklum balas yang diterima dari orang ramai?

Dari seminar dan bengkel tersebut pakar agama (ulama dan pegawai) dan pakar sains (saintis, pensyarah dan pakar perubatan) dapat duduk bersama dan membincangkan apakah penyelesaian yang terbaik bagi menangani isu-isu bioetika.

Berdasarkan temuramah yang dibuat jelas menunjukkan IKIM telah memainkan peranan dengan baik sebagai sebuah institusi penyebaran maklumat. Maklum balas yang diterima dari orang ramai, penyelidik dan pelajar amat memberangsangkan. Memandangkan Malaysia masih di peringkat awal dalam bidang bioetika maka IKIM telah mengambil inisiatif dengan memberi informasi-informasi yang terkini untuk kebaikan semua pengguna di Malaysia.

SOALAN 3:

Siapakah yang dirujuk oleh IKIM dalam isu-isu yang melibatkan bioetika terutamanya sebelum mengadakan seminar atau ceramah yang berkaitan??

Sumber rujukan utama bagi IKIM adalah melalui penyelidikan yang dilakukan oleh pegawai penyelidik itu sendiri iaitu melalui buku-buku,temuramah dan juga internet. Seterusnya Ketua Pengarah akan menapis terlebih dahulu hasil penyelidikan pegawai yang

APENDIKS C

terlibat sebelum dibentang atau di adakan ceramah/seminar. Malah pegawai penyelidik yang ditugaskan untuk mengadakan seminar atau membentangkan kertas kerja tentang Bioetika turut menjadikan JAKIM (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia) dan Muzakarah Fatwa Kebangsaan sebagai sumber untuk dirujuk.

SOALAN 4

Adakah badan-badan atau organisasi lain yang turut terlibat dan bekerjasama dalam mengadakan seminar atau membentangkan kertas kerja berkaitan bioetika?

Selain JAKIM, IKIM turut bekerjasama dengan Institusi Pengajian Tinggi Awam di seluruh Malaysia bagi menjayakan ceramah dan seminar yang diadakan. Contohnya satu ceramah tentang GMO telah diadakan bertempat di MAHA, Universiti Putra Malaysia Serdang dengan kerjasama dari MARDI. Penceramah dari IKIM ialah Pn. Norkumala Binti Awang selaku pegawai penyelidik tentang GMO. dalam konteks Islam.

SOALAN 5

Bagaimana dengan pihak bukan kerajaan (NGO)? Adakah mereka turut terlibat?

Tiada badan NGO yang terlibat untuk bekerjasama dengan IKIM buat masa ini dalam bidang bioetika.

SOALAN 6

Berdasarkan keratan akhbar Utusan Malaysia pada 9 April 2004 oleh Bernama ; Pengerusi IKIM pada masa tersebut berhasrat untuk mengadakan AJK BIOETIKA bagi mengendalikan isu-isu berkaitan bioetika. Adakah jawatankuasa tersebut telah ditubuhkan?

AJK BIOETIKA belum lagi digubal buat masa ini. Cadangan dari Pengerusi IKIM; Tan Sri Dr Ahmad Sarji Abdul Hamid (sumber dari Bernama: 9 April 2004) untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Bioetika bagi mengawal selia dan memantau aktiviti bioteknologi merupakan satu hasrat beliau namun belum dilaksanakan Mesyuarat untuk penubuhan AJK BIOETIKA juga belum diadakan. Mungkin pada masa akan datang.

SOALAN 7:

Adakah pegawai IKIM terlibat dalam menganalisis isu-isu berkaitan bioetika bagi pembentukan panduan iaitu fatwa?

IKIM tidak terlibat dalam pemantauan; isu bioetika (GMF). Tugas tersebut adalah diselia sepenuhnya oleh JAKIM. JAKIM mempunyai Jawatankuasa bagi membuat pemantauan dan penyelidikan khas berkenaan aktiviti bioteknologi. IKIM hanya mengambil sedikit

APENDIKS C

maklumat dari hasil penyelidikan JAKIM dan hasil pemerhatian dari pegawai yang terlibat bagi menerbitkan artikel dan mengadakan ceramah bagi menyampaikan maklumat dan kefahaman untuk orang ramai.

SOALAN 8:

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya dapat dilihat peranan utama IKIM dalam mengimplementasi bioetika adalah tertumpu kepada penyebaran informasi terkini dan isu semasa tentang fenomena bioetika. Pegawai penyelidik hanya membuat pemerhatian secara ilmiah iaitu dari bahan bacaan buku-buku, internet dan juga dari sumber-sumber badan yang terlibat. Setiap tugas yang diberikan kepada pegawai yang terlibat untuk bioetika dilaksanakan dengan baik dan akan disusuli dengan ceramah dan juga seminar. Sebelum artikel diterbitkan atau seminar diadakan Ketua Pengarah akan menapis terlebih dahulu maklumat-maklumat tersebut agar benar-benar sahih kebenarannya. Tujuan utama adalah memberi kefahaman dan juga kesedaran kepada semua golongan masyarakat memandangkan bidang bioetika masih di peringkat awal dan kurang difahami oleh orang ramai.

APENDIKS C

Sesi Temubual Bersama Encik Shaikh Mohd Shaifudden Shaikh Mohd Salleh.

Jawatan :Mantan Felo IKIM Merangkap Penasihat (orang sumber) Pusat Transplan Negara

Tarikh : 20 Februari dan 12 April 2007

Fokus penyelidikan : berkaitan isu-isu sains dan teknologi semasa seperti pendermaan organ, pengubahsuaian genetik dan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), hubungan sains dengan agama khususnya Islam serta sejarah dan falsafah sains.

Sesi pertama

1. Sebagai mantan felo kanan di IKIM, pada hemat tuan, apakah peranan utama yang dimainkan oleh IKIM dalam mengembangkan bidang bioetika di Malaysia?
2. Adakah IKIM telah memainkan peranan yang baik dalam menjadi pusat hebahan dan menyebarkan maklumat berkaitan bioetika dan isu-isu berkaitan bioteknologi?
3. Apakah medium yang terlibat dalam menyebarkan maklumat tersebut?
4. Melalui artikel-artikel dari penulisan tuan sendiri adakah ia mencapai objektif dalam menambah kefahaman berkenaan bioetika bagi pengguna?
5. Apakah harapan tuan dalam usaha meningkatkan kefahaman masyarakat mengenai bidang bioetika dan isu berkaitan bioteknologi?

Sesi Kedua

1. Apakah aspek utama yang dilihat dalam proses pemindahan organ?
2. Apakah undang-undang yang diguna pakai di Malaysia?
3. Pada pandangan tuan, adakah pendermaan organ di Malaysia menggalakkan?
4. Apakah di antara isu-isu yang menyebabkan kekurangan penderma organ di Malaysia?
5. Statistik terkini berkaitan pemindahan organ?
6. Apakah pandangan tuan mengenai pemindahan organ dari aspek maqasid?
7. Adakah pemindahan organ suatu keperluan bagi masyarakat Malaysia?

APENDIKS C

Temubual Bersama Pensyarah Dan Doktor Perubatan USM Kubang Kerian.

Nama Pegawai: Dr. Adibah Hanim Bt Ismail@Daud

Pensyarah tahun 3 fakulti perubatan keluarga, mengajar subjek blok klinikal dan bioetika

Tarikh : 24 Februari 2008

Masa : 2.30pm

Tempat : Bilik Pensyarah USM

1. Adakah universiti ini menawarkan kursus yang benar-benar menjurus kepada aspek bioetika?

Secara keseluruhannya Universiti Sains Malaysia Kubang Kerian tidak menawarkan kursus yang benar-benar menjurus kepada semua aspek dalam Bioetika. Subjek Bioetika dan Kemahiran Komunikasi yang terdapat di fakulti ini merupakan kursus wajib bagi semua pelajar dari tahun 1-5. Tiada sebarang pengecualian. Pensyarah dari jabatan perubatan keluarga ditugaskan bagi mengajar kursus tersebut untuk semua fakulti di USM. Subjek ini tidak menekankan aspek bioetika secara menyeluruh. Tidak menyentuh prinsip-prinsip bioetika atau konsep-konsep *autonomi, justice*. Pelajar-pelajar perubatan ini di ajar tentang etika di antara doktor dengan pesakit, panduan dalam membuat keputusan berdasarkan kes-kes yang diberi. Jelas menunjukkan di sini pensyarah mengajar secara PBL (Program Based on Learning) Subjek bioetika yang ditawarkan sebenarnya sebagai pelengkap atau tanggungjawab doktor kepada pesakit.

Bagi fasa 3 pelajar akan didedahkan dengan kes yang sebenar dengan menjemput peguam dari agensi terpilih dan akan meminta pelajar menyelesaikan kes yang diberi.

2. Adakah subjek/kursus bioetika yg ditawarkan di IPTA ini mendapat sambutan?

Menurut Dr Adibah Hanim susah untuk mengatakan adakah mendapat sambutan atau tidak kerana subjek ini wajib dan kebanyakan pelajar perubatan kurang berminat untuk mendalami subjek ini. Mereka berpendapat subjek ini susah dan lebih kepada falsafah.

3. Bagaimanakah kronologi kewujudan kursus bioetika di USM? Bilakah kali pertama ia ditawarkan?

Kurang pasti bilakah tarikh awal kemunculan kursus ini di USM. Berkemungkinan pada tahun 2001.

4. Adakah pencapaian pelajar-pelajar bagi kursus ini memuaskan & menunjukkan keberkesanan pengimplementasian subjek ini?

Susah untuk di *access*. Kebiasaannya tiada. Kerana subjek ini diambil sebagai syarat sahaja. Tidak pernah dibuat penilaian khusus untuk markah subjek ini.

APENDIKS C

Kompleks-kompleks dari pesakit ternyata lebih memantapkan lagi pelajar-pelajar baru untuk menambatkan prestasi.

5. Pensyarah/pelajar yg membuat research berkaitan bioetika?(senarai?jika ada?)

Dr Rosniza Ahmad (PHD)

Pelajar-pelajar ternyata kurang berminat untuk membuat sebarang penyelidikan berkaitan bioetika. Fokus utama kepada pengajian dalam bidang perubatan.

6. Apakah perancangan untuk jangka masa panjang bagi mengembangkan lagi bidang bioetika?

Penekanan harus diberikan khususnya penglibatan kesemua pensyarah harus diberi keutamaan (pendedahan kepada bidang bioetika dari luar). Seharusnya mereka berminat untuk membuat PHD dalam bidang bagi melahirkan pakar dalam bidang ini dan mengembangkan lagi bioetika di Malaysia.

Majlis Perubatan Malaysia pada setiap tahun akan memberi buku komplek dari para pesakit tentang layanan doktor. Dari situ pihak pensyarah akan menambahkan lagi latihan komunikasi kepada para pelajar perubatan bagi memuaskan kehendak pesakit ke arah yang terbaik.

7. Pada hemat Dr. adakah bioetika di Malaysia berada pd tahap yang memberangsangkan atau masih di peringkat awal?

Ternyata bidang bioetika masih diperingkat awal. Jika dilihat di USM tidak begitu mendapat pendedahan tentang bioetika memandangkan subjek ini hanya sebagai syarat wajib bagi menamatkan pengajian untuk pengijazahan.

8. Apakah pandangan Dr. mengenai isu yg melibatkan bioteknologi di Malaysia/ccontoh stem cell...GMF..

Stem cell masih baru di Malaysia. Jika GMF sudah banyak kajian-kajian yang dibuat mengenainya. Terdapat seorang pensyarah yang terlibat untuk penyelidikan dalam *stem cell* iaitu Dr. Suzina.

9. Adakah peranan pihak ulama perlu dalam memastikan bidang bioteknologi dan isu-isu bioetika dapat dikawal selia agar tidak memberi kemudahan kepada masyarakat, khasnya muslim?

Peranan ulama penting kerana bagi kes GMF aspek halal haram makanan yang berasaskan bioteknologi perlu. Di dalam agama Islam sumber makanan perlu dikaji kerana ia akan menjadi darah daging.

APENDIKS C

Temubual bersama Pensyarah dan Doktor Perubatan USM Kubang Kerian

Nama Pegawai :Dr. Azidah Abdul Kadir
Pensyarah dan Penyelaras Subjek Bioetika Fakulti Perubatan Keluarga.

Tarikh : 26 Februari 2008
Masa : 10.00am
Tempat : Bilik Pensyarah.

1. Adakah universiti ini menawarkan kursus yang benar-benar menjurus kepada aspek bioetika?

Subjek ini adalah sebagai kurikulum wajib bagi pelajar Ijazah tinggi. Lebih kepada praktikal. Menjadi satu kewajipan bagi semua pelajar dari tahun pertama sehingga tahun akhir. Subjek bioetika dan komunikasi ini lebih kepada praktikal. Teori-teori dan prinsip asas diajar kepada pelajar tahun 1, 2 dan 3. Manakala bagi tahun 4 dan 5 lebih kepada dunia realiti, di antara pesakit dengan doktor.

2. Adakah subjek/kursus bioetika yg ditawarkan di IPTA ini mendapat sambutan?

Secara jujur kedatangan pelajar bagi kelas ini agak kurang memuaskan. Namun kerana ia merupakan kurikulum wajib maka mahu atau tidak para pelajar terpaksa meminati subjek ini. Rata-rata pelajar menyatakan subjek ini susah difahami dan membosankan.

3. Bagaimanakah kronologi kewujudan kursus bioetika di USM?(bila muncul)

Bioetika telah lama muncul di USM semenjak 1990an lagi.

4. Adakah pencapaian pelajar-palajar bagi kursus ini memuaskan & menunjukkan keberkesanan pengimplementasian subjek ini?

Keputusan pelajar agak memuaskan namun tidak menunjukkan keberkesanan pengimplemetasian subjek bioetika.

5. Pensyarah atau pelajar yang membuat penyelidikan berkaitan bioetika?(senarai?jika ada)

Hanya seorang pensyarah iaitu Dr. Suzila yang membuat penyelidikan tentang bioetika. Kebanyakan pensyarah lain banyak terlibat untuk penyelidikan yang benar-benar menjurus kepada bidang perubatan.

APENDIKS C

6. Apakah perancangan untuk jangka masa panjang bagi mengembangkan lagi bidang bioetika?

Melatih lebih ramai para pensyarah agar pakar dalam bidang bioetika seterusnya memupuk minat yang mendalam terhadap para pelajar bidang perubatan agar tidak menganggap subjek ini sekadar syarat atau kurikulum semata-mata. Seterusnya seminar dan forum-forum tentang bioetika akan diadakan pada setiap bulan.

7. Pada hemat Dr. adakah bioetika di Malaysia berada pada tahap yang memberangsangkan atau masih di peringkat awal?

Bioetika masih di peringkat awal di Malaysia jika dibandingkan dengan negara luar (Barat) misalnya Australia lebih maju ke hadapan dalam bidang bioetika. Malah jika dalam lingkungan Asia, Singapura jauh lebih pesat dalam bioetika. Seharusnya pihak-pihak yang terlibat memainkan peranan untuk memajukan bidang ini.

8. Apakah pandangan Dr. mengenai isu yang melibatkan bioteknologi di Malaysia? Contohnya *stem cell*...GMF dan lain-lain?

Jelas menunjukkan bidang bioteknologi semakin berkembang. Dalam bidang *stem cell*, teknologi ini ternyata amat bermanfaat kepada masyarakat. Selain menguntungkan ia terbukti selamat untuk masyarakat. Bidang perubatan akan lebih produktif dengan gabungan bidang bioteknologi ini. Begitu juga dengan GMF, yang semakin popular pada hari ini. Saya memang menyokong usaha produk yang berasaskan GMF kerana ia adalah demi kesejahteraan masyarakat. Kualiti kesihatan akan meningkat dengan adanya produk-produk GMF ini. Malah jika sebelum ini ubatan untuk penyakit kronik terhad, tetapi pada hari ini doktor boleh mengesyorkan produk makanan dan ubatan yang lebih efisien dan bagus untuk pesakit. Walaupun jika sumber yang digunakan contohnya mengambil sedikit sel DNA dari babi, bagi saya ia tidak menyalahi kerana jika pesakit tiada pilihan, dari membawa maut lebih baik menggunakan ubat tersebut. Lebih-lebih lagi hanya sedikit sahaja sel dari DNA babi yang digunakan, bukan keseluruhan. Dalam Islam juga kita tak mampu untuk menyusul asal-usul makanan yang kita makan dari akar umbi. Ternyata sukar.

9. Adakah peranan pihak ulama perlu dalam memastikan bidang bioteknologi dan isu-isu bioetika dapat dikawal selia agar tidak memberi kemudahan kepada masyarakat?(khasnya muslim)

Secara logiknya doktor-doktor/pensyarah yang beragama Islam ternyata lebih pakar dalam bidang ini. Memandangkan mereka mempunyai latar belakang sains. Jika pihak ulama mereka tidak semestinya mempunyai kepakaran dalam bidang sains.

APENDIKS C

Tembual Bersama Pegawai Hal Ehwal Islam Bahagian Istinbak, Jabatan Mufti Selangor, Shah Alam.

Nama pegawai : YBhg. Ustaz Mat Jais Kamos
Tarikh : 25 Julai 2008
Tempat : Bilik pegawai Jabatan Mufti Selangor.

Mantan kadi di Pejabat Agama Islam Gombak Timur, Penolong Pengarah bahagian Dakwah, JAKIM dan juga penceramah jemputan.

Soalan 1

Apakah kaedah yang digunakan oleh pegawai dalam proses menganalisa isu-isu

- 1.GMF,**
- 2.Botox**
- 3.Pemindahan Organ**

Setahu saya menggunakan Konsep Maqasid Al-Syariah(menyentuh 5 aspek: akal, keturunan, agama,harta benda dan iman tetapi kurang arif konsep maqasid secara menyeluruh.

Di dalam Jawatankuasa Muzakarah Fatwa terdapat panel dan pakar agama (syariah) dan seorang doktor pakar iaitu Dr. Zaidon Bin Kamari dari Universiti Sains Malaysia Kubang Kerian Kota Bharu; yang dapat memberi jawapan secara spontan bagi kes yang melibatkan perubatan.

Dalam proses menganalisa isu-isu bioetika yang terlibat, konsep Maqasid, Hukum Islam dan Feqah digunakan bagi memutuskan sesuatu fatwa. Di dalam Konsep Maqasid iaitu tujuan atau niat yakni bagi menjaga 5 aspek iaitu; keturunan, maruah, akal, harta benda dan agama. Selagi tidak merosakkan mana-mana perkara tersebut. Isu-isu bagi Genetic Modified Food, Botox dan pemindahan organ merupakan isu global. Maka Fatwa Kebangsaan akan bermesyuarat bersama wakil-wakil Dato' Mufti dari seluruh negeri. Keputusan mesyuarah akan dibentangkan kepada Sultan bagi mendapatkan persetujuan. Kemudian akan diwartakan. Bagi isu-isu bioetika ini pihak jabatan Mufti meminta jasa baik pihak JAKIM (Hab halal dan penyelidikan) dan IPTA dalam membuat penyelidikan.

Soalan 2

Konsep Maqasid Al-syariah merupakan indikator untuk penentuan Halal dan Haram, tetapi bagaimanakah cara untuk memutuskan sesuatu hukum itu berdasarkan konsep ini? Saya kurang jelas. Bolehkah pihak Dato' menerangkan konsep Maqasid Al-Syariah??

**Dharuriyyah-
Hajiyyat
Tahsaniyat**

APENDIKS C

Perlu merujuk maksud ketiga-tiga konsep tersebut:

Dharuriyyah bererti cukup mustahak iaitu jika tiada akan terganggu. Contohnya satu kes yang berlaku, seorang ustaz tahfiz yang mengalami penyakit jantung terpaksa disuntik dengan suntikan yang berasaskan DNA babi. Di dalam kes ini pesakit tersebut dibolehkan mengambil suntikan tersebut kerana dikhuatiri akan menggugat nyawanya jika tiada alternatif lain bagi mengubati penyakitnya. Pesakit tersebut berada di dalam keadaan darurat Walaupun terdapat fatwa bahawa apa sahaja perkara yang bersumberkan atau berasaskan babi adalah Haram hukumnya namun dibolehkan jika darurat. *Hajiyyat* pula membawa maksud satu keperluan iaitu jika tiada agak sukar. Di dalam kes isu-isu bioetika misalnya GMF bukanlah suatu keperluan atau keadaan darurat. Maka tidak tergolong dalam kedua-dua konsep Maqasid. Bagi isu Botox dikategorikan sebagai *Tahsaniyyat* iaitu sekadar untuk perhiasan kerana melakukan penyuntikan di bahagian wajah dan badan dengan menghentikan proses semula jadi iaitu proses kedutan dan kulit akan menjadi tegang, fungsinya agar kelihatan sentiasa muda dan cantik. Maka tidak perlu dilakukan kerana suntikan ini mengubah kejadian asal manusia iaitu fitrah manusia dengan menghentikan proses kedutan. Kesan buruknya dapat dilihat dalam beberapa tahun iaitu wajah akan hilang ekspresi untuk senyum, sedih dan sebagainya kerana suntikan tersebut telah menyebabkan otot 'berehat' dari berfungsi seperti biasa.

Pembahagian peringkat-peringkat maqasid ini seperti yang telah dijelaskan oleh para ulama terdahulu adalah bertujuan bagi memudahkan masyarakat Islam dalam mengenalpasti keutamaan yang mana harus dilaksanakan terlebih dahulu.

Soalan 3

Adakah pegawai bahagian Fatwa merujuk pakar penyelidik daripada IPTA bagi melakukan pemantauan untuk menganalisa isu-isu(bioetika) berkaitan bioteknologi??(GMF, Botox, Pemindahan Organ)??

Setahu saya bagi kes Halal Haram untuk GMF, JAKIM mempunyai kolaborasi dengan IPTA terpilih untuk melakukan penyelidikan. Adakah sama kes dengan Jabatan Mufti Selangor??

Dalam melaksanakan kajian yang memerlukan kepada kepakaran, sememangnya Jabatan Mufti Selangor akan bekerjasama dengan IPTA terpilih contohnya UKM, USIM, UPM dan lain-lain untuk memastikan kajian yang dibuat benar-benar berkualiti.

*Sebagai contoh, kajian mengenai sutera dan suasa dibuat dengan kerjasama UITM.

Soalan 4

Apabila sesuatu fatwa dari Jabatan Mufti Selangor diwartakan, adakah untuk semua penduduk negeri Selangor sahaja atau untuk semua negeri??

Di Selangor, sesuatu fatwa yang telah diwartakan akan mengikat seluruh umat Islam di negeri tersebut sahaja. Seksyen 49(1) Enakmen pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 telah memperuntukkan:

APENDIKS C

“Apabila disiarkan dalam warta , sesuatu fatwa hendaklah mengikat tiap-tiap orang Islam yang berada di Negeri Selangor sebagai ajaran agamanya dan hendaklah menjadi kewajipannya di sisi agama Islam untuk mematuhi dan berpegang dengan fatwa itu,...”

Struktur institusi agama di Malaysia adalah sistematik dan baik. Fatwa tidak sewenang-wenangnya dikeluarkan dan melibatkan pelbagai prosedur.

Soalan 5

Anggaran masa bagi pengeluaran fatwa bagi sesuatu isu??

Pengeluaran sesuatu fatwa bermula dari menerima atau mengenal pasti isu sehingga dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor hendaklah dalam tempoh tidak lebih enam bulan.

*Prosedur bagi menganalisis sesuatu isu bagi semua Jabatan Mufti negeri adalah sama.

Soalan 6

Setakat ini apakah isu yang paling mencabar yang memerlukan masa yang lama untuk proses pengeluaran fatwa??

Isu pinggan ‘bonechina’ yang telah dijalankan pemerhatian sejak 2006 dan mendapat khidmat kepakaran dalam bidang seramik UiTM iaitu Encik Zainal Zakaria. Oleh sebab pinggan ‘bonechina’ ini dikatakan berasaskan tulang babi tetapi diekstrak dalam bentuk serbuk sebelum dijadikan pinggan maka untuk melakukan penyelidikan agak sukar dan memakan masa kerana bersifat kompleks.

Soalan 7

Kebiasaannya pengeluaran Fatwa yang diputuskan oleh Muzakarah fatwa Kebangsaan, adakah di atas permintaan atau aduan orang ramai atau berdasarkan isu semasa yg menjadi kontroversi?

Adakah proses-proses yang dimulakan berdasarkan oleh aduan dan permintaan?

Kebiasaannya isu yang diterima adalah dari pelbagai pihak seperti agensi kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), orang awam dan sebagainya. Isu ini akan dikaji dan dijadikan dalam bentuk kertas kerja seterusnya dibawa ke Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia untuk dibincangkan dan diputuskan.

Soalan 8

Apakah badan-badan yang turut terlibat dalam proses menganalisa sesuatu isu bagi pengeluaran fatwa??

Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor merupakan pihak yang bertanggungjawab untuk membincangkan sesuatu isu seterusnya memutuskan sesuatu fatwa

APENDIKS C

Sesi Temubual Bersama Penolong Pengarah Pemantauan Dan Penguatkuasaan Bahagian Hab Halal (JAKIM), Cyberjaya.

Nama Pegawai : Ustaz Mohd Amri Bin Abdullah
(Ijazah Dakwah Kepimpinan, UKM)

Tarikh : 11 Julai 2008

Tempat : Bilik perbincangan Hab Halal JAKIM

1. Apakah tugas utama pegawai syariah yang terlibat dalam pemeriksaan GMF??
Melakukan pemeriksaan bersama Pegawai sains (C) tetapi fokus kepada penyelidikan makanan berdasarkan syariah Islam.

2. Cara bagi penentuan halal haram (prosedur yang diselia oleh pegawai syariah) bagi sesuatu produk. Adakah melihat dari segi asal usul sumber isi kandungan satu persatu?

Bagi aspek halal haram pihak pegawai syariah akan merujuk kepada sumber hukum. Terdapat empat hukum seperti yang diketahui; Al-Quran yang paling utama, disusuli dengan Hadis pihak ulama, dan Qias. Bagi kes halal haram untuk menjatuhkan sesuatu hukum yang melibatkan GMF dan juga isu-isu yang lain Istihalah digunakan iaitu bersumberkan hukum daripada Qias. Hukum berdasarkan apa yang dapat dilihat sahaja yang selebihnya berserah kepada Allah s.w.t. (tawakal)

3. Konsep Maqasid Al-syariah merupakan indikator untuk penentuan Halal dan Haram,? Saya kurang jelas. Bolehkah pihak tuan menerangkan konsep Maqasid Al-Syariah??

Konsep Maqasid Al-Syariah (menyentuh 5 aspek: akal, keturunan, agama, harta benda, iman). Konsep Maqasid adalah terlalu mendalam. Memerlukan pemahaman yang secara menyeluruh. Semua perkara dalam dunia ini akan merujuk konsep Maqasid (tujuan agama) ini namun jika tersilap pemahaman akan memberi pengertian yang berlainan. Seeloknya untuk isu GMF ini lebih mudah jika dirujuk kepada hukum Qias. Malah pegawai Syariah (S) mengamalkan konsep was-was, shubhah semasa mengadakan pemeriksaan.

4. Bagaimana konsep ini untuk diaplikasikan bagi kes isu-isu seperti GMF (bagaimanakah cara untuk memutuskan sesuatu hukum itu berdasarkan konsep ini?) merujuk kepada Qias.

Seharusnya memahami maksud Qias dan Istihalah terlebih dahulu. Qias merupakan perbandingan hukum manakala Istihalah merupakan sesuatu perkara yang melalui proses perubahan secara semulajadi misalnya sesuatu tanaman (pokok) yang disuntik gen dari babi; didalam kes ini buah dari tanaman ini adalah halal dimakan kerana buah ini telah mengalami proses fotosintesis dan proses-proses lain secara semulajadi bukan melalui aktiviti manusia. Berlainan pula dengan buah tomato atau kentang yang disuntik secara terus atau langsung gen atau vaksin babi, maka haram ke atas umat Islam untuk memakan buah tersebut.

APENDIKS C

5.Siapakah yang menjadi sumber rujukan pegawai syariah (Hab Halal) untuk membuat sesuatu dasar?

Apabila sesuatu isu yang melibatkan syariah, pihak pegawai Syariah (S) akan membawa perkara tersebut dalam bentuk laporan kepada Muzakarah Majlis Fatwa Kebangsaan yang melibatkan pakar-pakar agama(ulama) dan Dato' Mufti.

6.Adakah Malaysia mengikut fatwa dari Saudi Arabia atau Mesir?

Fatwa adalah merujuk Negara Malaysia sendiri. (ada juga sebagai rujukan sahaja)

7. Adakah pegawai syariah mempunyai jaringan dengan pihak IPTA?

Ya. Pakar-pakar sains dan bidang agama dari Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) menjadi rujukan bagi pegawai sains dan pegawai syariah JAKIM. Pakar-pakar dari IPTA ini yang terdiri dari Pensyarah yang berpengalaman dalam bidang masing-masing merupakan Panel Penasihat Halal JAKIM. Panel ini akan dirujuk bagi sesuatu isu yang baru muncul sahaja. Bagi meningkatkan prestasi dan mutu pemahaman para pegawai JAKIM dalam memantau isu-isu bioetika dan isu-isu lain setiap bulan akan diadakan seminar atau bengkel yang melibatkan pensyarah-pensyarah dari IPTA terpilih bagi membicarakan dan membentangkan kertas kerja secara ilmiah. Seminar ini amat membantu kerana didapati pakar sains dan agama dapat duduk bersama bagi membincangkan perihal isu-isu semasa.

8. Sejauh mana keberkesanan badan Hab Halal / JAKIM??

Semenjak Hab Halal ditubuhkan (2003) ternyata orang ramai menaruh kepercayaan kepada badan ini.

*Para pengguna boleh mengakses laman web JAKIM bagi mengetahui senarai fatwa terkini dan berinteraksi secara digital bagi mengetahui sebarang produk yang diharamkan. Sebarang kemusykilan berkaitan perihal hal ehwal Islam dapat diutarakan secara online kepada JAKIM. Membuktikan JAKIM memainkan peranan yang baik.

9. Apakah perancangan jangka masa panjang bagi mengembangkan dan memantapkan badan Hab Halal?

Sukar untuk dijelaskan kerana menjelang 17 Julai 2008 semua perancangan sebelum ini terpaksa dipinda. Sistem pengurusan Hab Halal akan diserahkan sepenuhnya kepada Halal industries Development Corporation (HDC). Maka Hab Halal tidak lagi di bawah naungan JAKIM.

APENDIKS C

10. Sepanjang penglibatan tuan, adakah terdapat sebarang masalah di dalam melaksanakan tugas sebagai pegawai syariaah badan Hab Halal??

Setakat ini masalah yang paling kritikal ialah semasa isu suntikan vaksin babi ke dalam ayam KFC yang mendapat bekalan ayam dari Ayamas pada penghujung bulan Disember 2008. Selain itu mendapat aduan dari sesetengah pihak mengenai kelewatan untuk mendapatkan Sijil Halal walaupun sebenarnya masalah itu berpunca daripada pihak syarikat itu sendiri misalnya, menyembunyikan kandungan-kandungan di dalam produk yakni tidka mengisytiharkan kesemua kandungan produk mereka. Maka pihak JAKIM akan menganggap permohonan itu sebagai NCR (*Non Confirmation Report*) dan harus dilakukan pembetulan bagi memudahkan kelancaran proses pensijilan.

APENDIKS C

Laporan Temubual Bersama Staf JAKIM (Kader Dari Kementerian Kesihatan Malaysia)

NAMA PEGAWAI : SAZLY AZIZUDDIN B SAHAIMI
JAWATAN : (Pegawai dari Unit Kajian Penilaian)
BSc. (Food Technology) (UPM)
TARIKH : 7 Mei 2008
TEMPAT : Bilik Perbincangan Hab Halal JAKIM, Cyberjaya

Melalui temubual yang dijalankan, Pegawai yang terlibat memberi kerjasama yang amat baik dan banyak membantu dalam memberi maklumat dan informasi. Pada peringkat awal Encik Sazly menyatakan beliau tidak terlibat dan kurang arif mengenai bioetika. Namun hakikatnya beliau dan pegawai dari JAKIM terlibat secara langsung dalam isu bioetika. Setelah diberi sedikit penerangan tentang bioetika barulah beliau menyedari skop tugas adalah lebih kepada bidang bioetika.

SOALAN 1

Adakah penyertaan (pegawai dari JAKIM) aktif dalam mengawal selia berkaitan isu-isu yang melibatkan bioteknologi?

Pegawai dari JAKIM aktif dalam isu-isu yang melibatkan bioteknologi kerana umumnya melibatkan orang ramai. Bagi memastikan produk makanan tersebut bukan sekadar halal malah selamat.

SOALAN 2

Peranan utama JAKIM dlm implementasi bioetika (berkait dgn isu-isu yg melibatkan makanan bioteknologi)?

Memantau dan membuat kertas kerja tentang hasil penyelidikan yang dibuat ke atas sesuatu produk. Kertas kerja akan dibentangkan di dalam mesyuarat oleh Ketua Pengarah bersama pakar-pakar sains dan ahli agama dari IPTA, Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM),

APENDIKS C

Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Pertanian, Jabatan Haiwan serta badan-badan bukan kerajaan. Seterusnya menyebarkan maklumat dari aspek syariah.

SOALAN 3

Sejauh mana keberkesanan peranan JAKIM dalam implementasi bioetika dan perihal berkaitan bioteknologi?

Menurut Encik Sazly, JAKIM bergantung kepada isu yang dibawa kepada mereka dalam kes yang melibatkan bioteknologi. Setakat ini JAKIM mendapat respon yang baik dari orang ramai. Jelas menunjukkan keberkesanan JAKIM dalam perihal melibatkan bioteknologi dan sekali gus bioetika. Namun setakat ini, hanya produk soya sahaja yang dikategorikan sebagai produk GMF yang terdapat di Malaysia. Malaysia kurang mengimport makanan yang berasaskan GMF.

SOALAN 4

Siapakah yang menjadi sumber rujukan JAKIM untuk membuat sesuatu dasar :

Bagi yang melibatkan sains, terdapat pegawai dari bahagian Teknikal Halal yang akan dirujuk selepas perbincangan dibuat iaitu terdiri daripada pakar-pakar sains dari Kementerian Kesihatan Malaysia; Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM) dan Bahagian Penyelidikan Farmaseutikal Malaysia (BPFK) serta IPTA yang terlibat; Universiti Pertanian Malaysia (UPM), Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Sains Industri Malaysia (USIM). Seterusnya Jabatan Pertanian, SIRIM, Jabatan Haiwan termasuklah Lembaga Penasihat dari badan-badan bukan kerajaan.

Untuk data yang lebih lengkap sila rujuk lampiran (Department Of Islamic Development Malaysia (2006) *Handbook Of Halal Food Additives- The Halal Technical Committee JAKIM*)

SOALAN 5

JAKIM bekerjasama dgn siapa selain IPTA?

Sama seperti di atas.

APENDIKS C

SOALAN 6

Siapakah di antara badan-badan NGO yang terlibat untuk bioetika/ bioteknologi?

Di antaranya ialah MARDI, NPCB...

SOALAN 7

Adakah AJK bioetika/badan khas sudah dibuat bagi memantau isu GMF? (fokus untuk makanan berasas bioteknologi)

AJK yang terlibat dikenali sebagai Jawatankuasa Kerja Pakar GMF iaitu yang dikawal selia di bawah Jawatankuasa Pra Penilaian-Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM).

SOALAN 8

Bagaimanakah cara pemantauan/prosedur yang diselia oleh JAKIM iaitu bagi hab halal?

Setelah agensi yang ingin mendapatkan pengiktirafan Halal menyiapkan dan melengkapkan semua dokumen-dokumen iaitu; mengisytiharkan butir-butir lanjut setiap isi kandungan produk keluaran syarikat mereka dan membuat bayaran sebagai caj perkhidmatan maka pihak JAKIM akan menghantar dua orang pegawai yang terlibat iaitu pakar sains makanan dan pakar syariah. Pegawai yang pakar sains makanan ini akan mengkaji dan menyelidik produk tersebut dari aspek kebersihan, keselamatan isi kandungan satu persatu, cara pemprosesan dan kebersihan staf-staf yang terlibat dalam penghasilan produk tersebut.

Pegawai syariah pula akan melihat dari aspek halal atau haram sesuatu produk. Terutamanya dari segi isi kandungan; melihat dari mana sumber bahan kandungan tersebut termasuklah tempat asal bahan tersebut. Jika dikategorikan dalam bahan kritikal sampel akan diambil dari bahan mentah (raw material) dan dihantar ke Makmal Kimia yang terletak di Petaling Jaya. (Jabatan Kimia sebenarnya tidak terlibat secara langsung, pihak mereka hanya melakukan ujian atas permintaan dari pihak JAKIM). Pegawai sains dan syariah yang terlibat ini akan membuat perbincangan tentang hasil dari penemuan masing-masing. Seterusnya hasil dari penyelidikan akan dibuat dalam bentuk laporan dan

APENDIKS C

dibentangkan kepada Panel Halal. Akhirnya sekali lagi, produk tersebut akan diselidik bagi pensijilan Halal.

Bagi maklumat lanjut mengenai proses pemberian sijil Halal sila rujuk lampiran yang disediakan.

SOALAN 9

Sejauh manakah keberkesanan badan Hab Halal??

Setakat ini Hab Halal banyak memberi manfaat terutamanya kepada pengguna muslim dalam memilih makanan yang bukan sahaja Halal tapi Toyyiban (selamat dan baik). Syarikat atau pengeluar produk yang mendapat pensijilan (Akraditasi) Halal dari JAKIM sememangnya produk mereka selamat dan halal. Memandangkan pemeriksaan yang begitu teliti dijalankan maka pengguna tidak perlu ragu-ragu tentang aspek halal dan kebersihan.

SOALAN 10

Apakah perancangan jangka masa panjang bagi mengembangkan dan memantapkan badan Hab Halal?

Sebelum penyerahan kuasa sepenuhnya Hab Halal kepada Halal industries Development Corporation (HDC) pada 17 April 2008, pihak Jawatankuasa Tertinggi JAKIM pernah menyuarakan dalam mesyuarat untuk menubuhkan sebuah Pusat Halal Malaysia di Enstek, Nilai; yang menempatkan pusat latihan dan makmal bagi memantapkan lagi badan Hab Halal dalam proses penyelidikan dan pemantauan. Selain itu pihak JAKIM juga merancang untuk membuat usaha sama dengan Universiti Pertanian Malaysia (UPM) di bawah Institut Pusat penyelidikan Haiwan (IPPH).

SOALAN 11

Sepanjang penglibatan tuan, adakah terdapat masalah di dalam melaksanakan tugas sebagai pegawai Hab Halal?

Setakat ini, Alhamdulillah tiada sebarang masalah. Semasa menjalankan pemeriksaan, pihak yang terlibat sentiasa memberikan kerjasama yang memuaskan dan tidak mengganggu tugas-tugas kami. Cuma dalam beberapa produk yang berasaskan ubatan, pihak JAKIM terpaksa meminta Badan Perubatan Farmaseutikal Malaysia (BPFM) di

APENDIKS C

bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengendalikan pemeriksaan kerana pihak JAKIM mempunyai pakar dalam sains teknologi makanan sahaja.

Berdasarkan temu ramah yang dibuat dapat dirumuskan bahawa JAKIM memainkan peranan yang penting di dalam isu yang melibatkan bioetika khususnya kes yang melibatkan makanan berasaskan bioteknologi. Melalui kerjasama dengan pakar-pakar dari IPTA, agensi-agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan memantapkan lagi usaha-usaha dalam memastikan produk untuk pengguna muslim adalah selamat dan toyyiban. Walaupun prosedur yang dijalankan mengambil masa yang lama iaitu minimum empat bulan namun pihak JAKIM akur dengan semua kritikan-kritikan yang membina dari sesetengah pihak. Jelas menunjukkan pihak institusi keagamaan memberi impak yang besar dalam bidang bioetika. Wujudnya pengharmonian dalam usaha sama di antara pihak sains (pakar-pakar dari IPTA) dan pihak agama.

APENDIKS C

Sesi Temubual Bersama Ustazah Taqwa Zabidi Selaku Penolong Pengarah, Bahagian Penyelidikan JAKIM

Tarikh: 28 November 2008

Tempat: Bilik Perbincangan, Bahagian Penyelidikan JAKIM.

1. Bolehkah saya mendapatkan senarai kes-kes yang ustazah kendalikan (tahun & tarikh) isu berkaitan bioteknologi.

Lebih kepada isu semasa-di bawah aspek sosial

Kes yang dikendalikan tidak banyak, tetapi melibatkan *follow up* (masih baru) Di antaranya ialah *Stem cell, organ transplant*, FGM, makanan, kadar alkohol dalam makanan. Jabatan JAKIM penyelidikan mempunyai empat pecahan iaitu: bahagian ibadah, politik, keluarga dan sosial. Bagi bahagian penyelidikan sosial adalah lebih tertumpu kepada isu semasa dan isu berkaitan perubatan. Banyak kes adalah berkaitan bioteknologi.

2. Adakah setiap isu yang diselidiki adalah atas permintaan pihak Jabatan Mufti Selangor-JMS (diberikan) atau isu dari pihak JAKIM sendiri?

Isu sebenarnya dari pusat. Ada juga di atas permintaan orang ramai dan aduan. Memandangkan JAKIM adalah pusat maka banyak jaringan dan lebih mudah untuk melakukan analisis. Maka Jabatan Mufti negeri-negeri selalu meminta pihak JAKIM untuk melakukan penyelidikan dan analisis yang menyeluruh bagi mendapatkan bukti dan hujah untuk pengeluaran fatwa.

3. Kronologi setiap mekanisme yang terlibat bermula dari penerimaan isu yang diberi..seterusnya ke bahagian penyelidikan sehinggalah laporan analisis dibuat? (peringkat proses-proses yang terlibat)

Setelah menerima isu, isu akan dibawa kepada Panel Kajian Syariah. Mesyuarat dan juga sesi perbincangan akan di adakan di antara panel-panel yang terlibat. Pakar-pakar dari luar juga turut dijemput iaitu, pensyarah dari IPTA (kebiasaannya UKM, UPM,UIA) pegawai dari Kementerian Kesihatan Malaysia. Analisa yang memerlukan kajian dalam makmal akan dibuat oleh KKM dan seorang pegawai yang terpilih dari JAKIM sendiri akan turut serta. Setelah memperoleh keputusan akan dirujuk kepada Muzakarah Fatwa Kebangsaan yang terdiri daripada seluruh Dato' Mufti dari setiap Jabatan Mufti negeri-negeri seluruh Malaysia. Seterusnya menunggu persetujuan daripada DYMM Agung.

4. Apakah kaedah yang digunakan oleh pegawai (ustazah) dalam proses menganalisis isu-isu yang dikemukakan seperti di bawah:

1. GMF, makanan ubah suai genetik: dilaksanakan oleh Hab Halal, JAKIM
2. Suntikan Botox: 25-27Julai 06
3. Pemandahan Organ
4. Pengguguran

5. Euthanasia

APENDIKS C

6. Suntikan vaksin babi
7. Stem cell

(Penerangan secara terperinci setiap isu....dari segi metodologi yang digunakan. Adakah melibatkan kaedah saintifik/uji kaji di dalam makmal?) dan adakah Jabatan Kimia Malaysia terlibat sama??

Kesemua isu adalah isu perubatan yang memerlukan kepakaran dari pihak KKM (perubatan) dan pakar dari luar turut dijemput. Setelah pihak ini menyiapkan laporan, melalui kajian di dalam makmal, pihak JAKIM akan menganalisis keputusan tersebut. Sebelum menganalisis dua kriteria utama yang dilihat adalah bahan dan amalan bagi isu bioetika. Bagi isu makanan yang berasaskan bioteknologi iaitu GMF dan suntikan vaksin babi; isu ini dikaji oleh pihak JAKIM hub-halal sehinggalah diambil alih oleh HDC pada bulan Julai 2008. Namun bagi isu GMF, suntikan enzim babi dan suntikan Botox, aspek bahan yang akan dilihat pada peringkat awal analisis dijalankan. Kemudian barulah aspek amalan dilihat. Bagi isu pengguguran, pemindahan organ, Euthanasia dan stem cell aspek amalan yang terlibat dan akan dianalisis satu persatu. Seterusnya proses yang terlibat ialah dengan melihat dari aspek syariah berdasarkan tiga sumber utama untuk rujukan iaitu; Al-Quran, Hadith dan mazhab. Laporan dari pihak KKM dan pakar yang terlibat akan disesuaikan dengan tiga sumber rujukan tersebut. Laporan ini akan diterbitkan di dalam jurnal JAKIM namun bukanlah secara terperinci terutama yang berkaitan teknikal dan aspek syariah kerana bimbang berlaku salah faham atau kekeliruan di kalangan orang awam. Jika masyarakat salah mengintrepetasikan maklumat maka akan menimbulkan konflik. Terdapat empat mazhab di dalam agama Islam. Ada mazhab ketat, longgar dan pertengahan. Pegawai syariah JAKIM sebelum menganalisis keputusan sesuatu isu akan merujuk mazhab mengikut fleksibiliti dan keadaan isu tersebut bagi kebaikan semua. Maka di sini apa yang dibimbangkan ialah masyarakat akan salah faham perbezaan-perbezaan yang terkandung di dalam mazhab. Bagi yang ekstrem akan memilih mazhab yang ketat dan begitulah yang sebaliknya.

5. Berapa orang pegawai yang terlibat dalam proses menganalisis sesuatu isu yang diberikan? Latar belakang pegawai (adakah turut terdiri dari pakar sains??)

Kebiasaannya setiap isu hanya melibatkan seorang pegawai syariah sahaja. Kebanyakan pegawai mempunyai ijazah dalam bidang pengajian Islam.

6. Adakah pegawai bahagian Fatwa (penyelidikan) membuat rujukan kepada pakar penyelidik daripada IPTA bagi melakukan pemantauan untuk menganalisis isu-isu(bioetika) berkaitan bioteknologi??(GMF, Botox, Pemindahan Organ.....)?

Isu yang berkaitan perubatan memang memerlukan kepakaran pihak perubatan terutama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) serta pensyarah-pensyarah dari UPM, UKM, USM dan UIA.

7. Berapa lamakah proses analisis berlangsung bagi hasil laporan sesuatu isu untuk dilaporkan kepada JMS?

APENDIKS C

Bergantung kepada isu, jika isu adalah berat maka memakan masa yang lama. JAKIM tidak menentukan keputusan hanya menganalisis isu tersebut setelah mendapat laporan dari pakar-pakar berkaitan dan menyiapkan kertas kerja untuk dihantar kepada ahli panel Muzakarah Fatwa Kebangsaan. Jika laporan didapati tidak lengkap atau terdapat "hidden fact" maka akan disusuli dengan mesyuarat serta perbincangan seterusnya. Sehingga ke semua ahli panel dan ahli Muzakarah Fatwa Kebangsaan.

8. Setakat ini apakah isu yang paling mencabar yang memerlukan masa yang lama untuk di analisis bagi proses pengeluaran fatwa??

Jika dibandingkan dengan tujuh isu yang di dalam senarai, isu *stem cell* yang memakan masa agak lama. Malah memerlukan kepakaran dari pakar perubatan luar iaitu Dr. Michael Monark dari Jerman. Isu *stem cell* mula dianalisis dan di adakan sesi perbincangan semenjak tahun 2005 lagi. Sehingga sekarang masih ada isu yang berbangkit. Stem cell merupakan isu global dan perlu selaras dengan negara-negara lain. Pihak JAKIM telah menghantar seorang pegawai yang terlibat iaitu Puan Norliah Sajuri bersama beberapa orang pakar dari KKM yang turut sama dalam penyelidikan isu ini ke persidangan antarabangsa "*Medical Islamic Science Conference*" yang di adakan di Kuwait bagi menambahkan pemahaman mengenai isu *stem cell*. Pandangan dari pakar negara Islam lain amat perlu bagi mengukuhkan lagi hasil keputusan ke arah fatwa yang berkesan.

9. Apakah pandangan Ustazah tentang keberkesanan mekanisme fatwa dalam konteks masyarakat Islam Malaysia? Contohnya bagi JAKIM (e-fatwa) medium yang digunakan untuk fatwa tersebut sampai dan diterima oleh masyarakat. Terdapat isu yang menyatakan tidak semua masyarakat Islam peka kepada fatwa ini. Malah ada yang kadang-kadang tidak tahu. Tidak semua yang mengakses internet utk melihat e-fatwa.

Itu merupakan salah satu masalah yang dihadapi. Tetapi pihak JAKIM telah mengambil pelbagai inisiatif seperti mengadakan slot di dalam RTM 1, iaitu Bersama Mufti, bagi masyarakat lebih peka kepada isu-isu terkini dan global yang memerlukan fatwa sebagai satu arah panduan agar masyarakat tidak hilang arah. Setiap kertas kerja yang dibentangkan kepada ahli panel muzakarah fatwa kebangsaan akan diterbitkan dan diedarkan kepada orang ramai semasa JAKIM mengadakan hari bersama pelanggan dan juga seminar-seminar yang diadakan. Jurnal dan risalah ini adalah percuma.

Pihak JAKIM dan Jabatan Mufti negeri-negeri lain masih di dalam proses meningkatkan lagi institusi fatwa dengan bantuan KKM melalui cara mengadakan akta selepas setiap fatwa digazetkan. Maka semua akan mematuhi apa yang tertakluk di dalam fatwa. Fatwa bukan sahaja menjadi panduan malah menjadi satu penguatkuasaan yang harus dipatuhi. Panduan yang termaktub di dalam fatwa ternyata boleh digunakan, diterima pakai oleh semua agama.

*

10. Apakah harapan ustazah bagi aspek fatwa??

APENDIKS C

Semoga fatwa dapat diikuti oleh orang bukan Islam juga kerana tanpa disedari fatwa adalah untuk kebaikan dan sesuai untuk semua masyarakat.

Sesi Temubual Bersama Panel Analisis Halal JAKIM
(Pegarah HPRI)

NAMA PEGAWAI : Prof Yaacob Bin Che Man
JAWATAN : Panel Analisis Halal JAKIM/ Pegarah HPRI/ pensyarah UPM
TARIKH : 17 November 2008

1. Bilakah Prof mula terlibat dalam proses membantu (kerjasama) dengan pihak JAKIM(Hab Halal) sebagai salah seorang Panel Penasihat Halal? *sekarang di bawah seliaan HDC

Bermula pada tahun 1993 (telah lama) iaitu sebagai Jawatankuasa Panel Pensijilan Halal. Seterusnya Prof. Dr Yaakob Che Man dilantik sebagai Pengerusi bersama Panel Analisis Pensijilan Halal bertindak bagi meluluskan peringkat terakhir untuk pensijilan halal. Ada 3 peringkat di dalam Panel Analisis Pensijilan Halal. Peringkat pertama mendapatkan maklumat, peringkat kedua akan membincangkan keputusan tersebut dan terus dibawa ke peringkat ketiga sama ada KIV atau menolak setiap analisis yang dibuat setelah dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia.

Terkini setelah berlaku peralihan kuasa iaitu Hab Halal diserahkan sepenuhnya kepada Halal Development Corporation (HDC) maka saya terlibat sebagai *advisory*. Lebih kepada penasihat bagi isu-isu yang diberikan dan terlibat sepenuhnya untuk pembangunan dan penyelidikan (R&D) iaitu untuk pembaharuan serta mengubah kaedah berasaskan bioteknologi yang sedia ada. Bagi Jawatankuasa Panel Analisis Pensijilan Halal yang terdiri daripada pensyarah (IPTA) sebenarnya tidak wujud analisis di situ. Lebih kepada perbincangan bersama-sama dalam mendapat kata sepakat setiap kes yang diberikan. Bukanlah analisis yang melibatkan ujikaji makmal.

2. Bolehkah saya mendapatkan senarai kes-kes yang prof kendalikan (tahun-tarikh)

Banyak. (saya tidak menyimpan rekod-rekod tersebut) Sebelum ini saya banyak terlibat (kes yang diberi oleh pihak JAKIM) namun ia bukanlah khusus kes saya, tetapi kes orang lain dan memerlukan penglibatan saya bagi membuat keputusan. Terdapat pelbagai kes dan isu yang melibatkan makanan, produk gunaan harian contohnya Colgate (isu halal ke tak) Bagi isu Colgate dua orang pegawai dari JAKIM dihantar ke Thailand bagi menyelidik.

Selain itu kes yang paling popular yang pernah dikendalikan ialah isu ternakan (ayam) yang disyaki mengandungi enzim babi, pada penghujung tahun 2007.

3. Adakah GMF (makanan ubah suai genetik) di antara kes-kes yang pernah Prof jalankan ujikaji di makmal??

Setakat ini tidak pernah terlibat dalam kes GMF. Tetapi makanan berasaskan penggunaan bioteknologi ada. Terdapat seorang pensyarah dari UPM yang mengendalikan kes tersebut iaitu Dr. Shuhaimi Nafis. Beliau merupakan di antara Panel untuk Jawatankuasa GMF.

APENDIKS C

4. Apakah kaedah atau metodologi yang terlibat dalam Prof menganalisis sesuatu produk (makanan) yang tergolong dalam kategori bahan kritikal?

Sila rujuk akhbar Utusan, Mega, Jumaat 14 November 2008.

Bagi kes yang menjadi isu iaitu ayam yang didakwa mengandungi enzim babi; secara amnya tiada alat atau metod yang sesuai untuk mengesan enzim tetapi dari segi Biologi molekul (DNA atau protein) boleh dikenal pasti dengan menggunakan kaedah masa nyata Tindak Berangkai Polimerase (PCR) yang melibatkan campuran sejenis bahan iaitu Kit Halal kepada ekstrak DNA yang diambil daripada ayam tersebut. Melalui sampel asid deoksiribonukleik (DNA) yang diambil daripada ayam tersebut boleh bagi mengesan kehadiran protein atau lemak babi. Dalam kes ini primer adalah babi maka boleh dikesan sama ada DNA yang pada ayam tersebut reaktif atau sensitif kepada babi. Teknik verifikasi DNA ini didapati lebih meyakinkan kerana DNA lebih stabil pada keadaan suhu tinggi, tekanan dan bahan kimia.¹ Kehadiran babi di dalam produk ayam ini dapat dikesan dengan lebih spesifik, pantas dan sensitif kerana ia mampu mencapai had pengesanan sehingga 0.001 nanogram dan boleh diautomasikan. Penyelidikan ini dijalankan bersama Dr. Aisyah dari Universiti Sains Malaysia. Kes ini dipaparkan di dalam media cetak iaitu suratkhbar. Hasilnya setelah dilakukan analisis dan ujian makmal terbukti bahawa ayam tersebut suci dan bebas dari dakwaan yang menyatakan ayam tersebut mengandungi enzim babi.

Selain itu, kaedah E-Nose, DSc dan GC-ToF-MS adalah di antara kaedah yang digunakan dalam menganalisis produk makanan yang berasaskan bioteknologi yang tergolong dalam kategori bahan kritikal.

Jika bahan kritikal iaitu menimbulkan was-was adalah dari bahan kimia maka perlulah dikenalpasti sama ada dari kategori sumber tanaman, haiwan atau sintetik.

5. Berapa lamakah masa yang diambil bagi membuat sesuatu keputusan berkaitan kes yang diberi oleh JAKIM??

Peranan adalah lebih kepada memberi pandangan dan nasihat secara spontan. Sebagai perunding (advisory). Jika melibatkan analisis memakan masa dua atau tiga hari sahaja. Namun setelah JAKIM menyerahkan Hab Halal kepada HDC maka peranan Prof Yaakob adalah lebih kepada tertumpu kepada bahagian Pembangunan dan Penyelidikan (R&D). Ternyata R&D mengambil masa yang lama untuk membangunkan sesuatu kaedah (dengan bantuan staf-staf dan pelajar master di bawah HPRI) berlainan dengan analisis yang hanya memakan masa beberapa hari sahaja dan akan terus mendapat keputusan. Bidang R&D memerlukan pembaharuan dan penghasilan kaedah-kaedah terbaru. Malah Prof Yaakob terlibat dalam pengajaran maka kurang masa untuk terlibat dalam analisis yang memerlukan ujikaji makmal. Keutamaan diberikan untuk mengajar dan selaku pengarah HPRI memerlukan tugas lain yang lebih mendesak.

¹ Mega, Jumaat 14 November 2008 m/s:8

APENDIKS C

6. Adakah prof merujuk kepada badan/organisasi lain dalam membuat keputusan?

Sepanjang penglibatan sebagai Ahli Panel dalam Pensijilan Halal memerlukan banyak sokongan daripada organisasi lain bagi melengkapkan hasil keputusan yang tepat. Misalnya bagi kes ayam yang didakwa mengandungi enzim babi, sebagai Pengerusi yang dilantik oleh pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk melihat isu ini beberapa badan kerajaan lain dijemput untuk membuat kajian bersama iaitu Jabatan Kimia Malaysia, Jabatan Haiwan dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Jabatan Kimia Malaysia bertanggungjawab dalam menganalisis bahan-bahan sampel di dalam makmal. Pegawai-pegawai dari Jabatan Kimia Malaysia banyak terlibat dengan tugas-tugas lain yang lebih mendesak dan Halal merupakan salah satu daripada tugas mereka. Maka pihak Jabatan Kimia Malaysia mengambil masa untuk membuat ujikaji tersebut. Kebanyakan kes-kes berkaitan makanan yang memerlukan ujikaji di dalam makmal pihak JAKIM lebih senang membawa kes tersebut kepada pihak (JKM).

7. Melalui pengalaman yang terdahulu, apakah perkara/aspek yang paling mencabar bagi Prof. dalam memutuskan sesuatu (membuat laporan lengkap) berkaitan isu/kes yang diutarakan oleh pihak JAKIM?

Kebiasaannya isu atau kes tersebut bukan isu Prof tetapi dilantik sebagai Pengerusi untuk membincangkan isu tersebut. Untuk memastikan keputusan tepat dan mengikut hukum syarak adalah salah satu dari cabaran dalam menganalisis sesuatu isu yang berkaitan makanan berasaskan bioteknologi dan juga produk harian. Perkara pokok yang menjadi isu dalam Proses Pensijilan Halal ialah isu penyalahgunaan logo, was-was terhadap isi kandungan sesuatu produk serta dari segi masa yang adakalanya berlaku kelewatan (masa panjang) bagi meluluskan akreditasi halal.

8. Apakah pandangan Dr tentang keberkesanan mekanisme Proses Pensijilan Halal dalam konteks masyarakat Islam Malaysia??

Dari aspek keberkesanan ternyata sangat baik. Namun secara realitinya orang Islam (peniaga atau pengusaha) didapati kurang berminat untuk memohon Sijil Halal. Sambutan dari orang Islam amat sedikit hanya mencecah 20% sahaja jika dibandingkan dengan peniaga atau pengusaha bukan Islam. Sesetengah pengusaha, biosahawan Islam dan peniaga berpendapat prosedur bagi pensijilan halal menyusahkan dan rumit kerana perlu melepasi banyak peringkat sebelum mendapat akreditasi Halal dan perlu membayar wang sebagai yuran dan caj dari pihak JAKIM. Berlainan pula dengan usahawan-usahawan bukan Islam yang berusaha sedaya upaya untuk mendapatkan sijil halal yang dianggap satu tiket bagi mereka memasuki pasaran insdustri makanan yang majoriti pengguna adalah orang Islam.

9. Harapan Prof. dalam kerjasama dengan JAKIM/HDC??

Amat berharap agar dapat terus membantu kerajaan untuk menjadikan halal program sebagai agenda negara.

APENDIKS C

Soalan untuk Pegawai Sains *Institute of Medical Research (IMR)*

Tarikh: 5 Disember 2008

Tempat: Bilik Pegawai, IMR

1. Pengetahuan saya mengenai bidang sel stem agak kurang: sel stem boleh membentuk setiap jenis sel, boleh membaiki tisu dengan sendirinya...Saya ingin mengetahui dengan jelas bagaimanakah aplikasi yang terlibat dalam perubatan menggunakan kaedah sel stem?
2. Adakah benar '*cord blood*' kaya dengan sel stem?
3. Bolehkah Encik menerangkan mengenai *regenerative medicine*? Bagaimanakah ia berfungsi?
4. Bagaimana dengan teknik penyimpanan sel stem cryobag? Adakah ia diluluskan oleh FDA / KKM dan terjamin keberkesanan teknik penyimpanannya?
5. Pada pendapat saya sel stem lebih kepada untuk bidang komersil. Adakah ia benar-benar memberi manfaat kepada manusia atau sekadar untuk perniagaan?
6. Daripada semakan literature yang dibuat di dapati banyak *hidden fact* berkaitan sel stem? Sel stem ternyata tidak boleh merawat semua penyakit kronik misalnya *Parkinsons* dan *Down syndrome*. Apakah pandangan Encik?
7. Bagaimanakah status *Xenotransplantation* di Malaysia?? Sebelum ini ada kontroversi yg menyatakan *xenotransplantation* tidak boleh. Adakah IMR dalam proses menjalankan penyelidikan mengenai *xenotransplantation*??
8. IMR dan KKM terlibat bagi panel untuk pengahasilan guideline for stem cell. Dengan merujuk kepada (fatwa). Adakah isu perubatan lain juga IMR turut terlibat?? (Saya merujuk buku pekeling yang dikeluarkan oleh IMR dan KKM: 2006)

APENDIKS C

Sesi Temubual Bersama Pensyarah UM/Panel Analisis Halal (JAKIM)

Nama : Che Wan Jasimah Wan Mohamed Radzi
Tarikh : 3 November 2009
Tempat : Bilik pensyarah.

Latar belakang panel:

Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Sains di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Sarjana dan Doktor Falsafah dari Universiti Malaya di dalam bidang makanan.

Kepakaran: dalam empat kategori yang melibatkan pemakanan iaitu makanan dan agama (halal), makanan dan budaya, teknologi makanan dan kesihatan dan bahan-bahan tambah dalam makanan serta pestisid.

- 1) Bilakah Puan mula terlibat dalam proses membantu (kerjasama) dengan pihak JAKIM(Hab Halal) sebagai salah seorang Panel Penasihat Halal??
Pada tahun 1993 setelah JAKIM mengambil alih semula proses pensijilan halal daripada Ilham Daya kepada JAKIM. (jawatankuasa penasihat Halal telah lama wujud iaitu pada tahun 1970an.)
- 2) Bolehkah saya mendapatkan senarai kes-kes yang Puan kendalikan bagi proses Pensijilan Halal dan yang berkaitan?
Isu penggunaan gelatin, pestisid, isu tentang penggunaan nama *wine* dan isu penggunaan bahan-bahan tambah dalam makanan.
- 3) Adakah GMF(makanan ubahsuai) di antara kes-kes yang pernah Puan jalankan ujikaji di makmal??
Ujikaji yang terlibat hanyalah secara perbincangan iaitu bagi menghasilkan keputusan. Bahan maklumat (ujikaji saintifik) dan laporan yang berkaitan akan disediakan oleh pihak JAKIM semasa mesyuarat diadakan. Kebanyakan isu atau kes bagi menguji bahan kritikal (ujikaji makmal) dilakukan oleh Jabatan Kimia Malaysia (di atas permintaan pihak JAKIM) serta makmal di IPTA yang diminta.
Terkini bagi produk GMF hanyalah betik dan kelapa sawit sahaja selain kacang soya dan canola dari luar negara. Produk tersebut berpotensi bagi hasil yang lebih baik. Produk GMF kelapa sawit dijalankan oleh PORIM.
- 4) Apakah kaedah atau metodologi yang terlibat dalam puan menganalisis sesuatu produk (makanan) yang tergolong dalam kategori bahan kritikal? *merujuk kepada temubual bersama Ustaz Amri Abdullah-bagi isu yang pertama kali muncul sahaja akan dirujuk kepada Panel Penasihat Halal.

Oleh kerana semua laporan telah dibuat maka pihak panel lebih kepada *consultation* sahaja. Melibatkan analisa secara lisan dan perbincangan dengan panel-panel yang terlibat.

APENDIKS C

- 5) Berapa lamakah masa yang diambil bagi membuat sesuatu keputusan berkaitan kes yang diberi oleh JAKIM??
Tiada limitasi masa. Setiap 3 bulan sekali pihak JAKIM akan menjemput para Panel Penasihat Halal bagi mesyuarat.
- 6) Adakah puan merujuk kepada badan/organisasi lain dalam membuat keputusan?
MITI, KPDHEN, MARDI, Jabatan Kimia Malaysia dan beberapa IPTA lain di Malaysia. Kesemuanya adalah panel yang telah dipilih oleh pihak JAKIM sendiri. Sebagai satu jawatankuasa keputusan bersama akan dilakukan.
- 7) Melalui pengalaman yang terdahulu, apakah isu/kes yang paling mencabar bagi puan dalam memutuskan sesuatu (membuat laporan lengkap) berkaitan isu/kes yang diutarakan oleh pihak JAKIM untuk proses pensijilan Halal?
Isu penggunaan babi dalam produk.
Selain dagingnya, terdapat produk sampingan dari haiwan ini iaitu gelatin, enzim, pengemulsi, kulit, tulang, bulu dan lemak minyak. Gelatin, enzim babi, pengemulsi dan lemak minyak dari babi adalah di antara aditif (bahan tambahan) yang digunakan dalam makanan yang diproses.
- 8) Apakah pandangan puan tentang keberkesanan mekanisme Proses Pensijilan Halal dalam konteks masyarakat Islam Malaysia?
Baik. Proses pensijilan halal merupakan satu usaha yang dijalankan oleh kerajaan dalam rangka meningkatkan industri makanan halal yang semakin berkembang pesat. Kini ia telah dilaksanakan secara online.
- 9) Harapan puan dalam kerjasama dengan JAKIM??
Semoga JAKIM semakin telus dalam pelaksanaan pensijilan Halal bagi keselamatan semua pengguna. Malah paling penting kesedaran para pengusaha makanan, sejauh mana keikhlasan mereka dalam menghasilkan produk Halal. Setiap produk yang telah mendapat akreditasi Halal seharusnya pengusaha tidak menipu dengan mencampur bahan-bahan yang tidak Halal dan tidak dibenarkan bagi produk yang seterusnya. Pemantauan haruslah selalu dibuat oleh pegawai dari JAKIM yang terlibat. Saya juga berharap agar lebih banyak agensi swasta memohon pensijilan halal dan lebih banyak kursus mengenai pensijilan halal dibuat. Ia melibatkan bukan sahaja pengusaha bukan Islam tetapi pengusaha Islam juga kerana Halal bukan sahaja merujuk kepada produk yang dihasilkan tetapi ia juga merujuk kepada proses dan sumber sebelum produk dihasilkan.
- 10) Apakah perkembangan terkini bagi pensijilan Halal?
Setelah berlaku peralihan kuasa semula dari HDC kepada JAKIM, maka hasrat pihak kerajaan yang memberi mandat kepada JAKIM untuk menubuhkan sebuah makmal halal pada satu ketika dahulu terlaksana. Penubuhan makmal ENSTEIK di Nilai akan dimuatkan dengan peralatan teknologi makanan yang terkini. Malah lebih konsisten dan teratur segala penyelidikan yang melibatkan ujian makmal kerana terdapat 4 makmal yang berasingan iaitu bagi mengesan lemak dan minyak, PCR, alkohol dan fizikal.

APENDIKS C

Soalan Tambahan bagi YBhg. Ustaz Mat Jais Kamos

(Sesi temubual adalah bersama wakil ustaz iaitu Pegawai Penyelidik Jabatan Mufti Selangor)

Tarikh: 14 Mei 2010

Tempat: Bilik Perbincangan jabatan Mufti Selangor Shah Alam.

1. Merujuk kepada temubual bersama YBhg ustaz, Dr Zaidon Kamari merupakan panel (dalam JMS) yang dapat memberi jawapan secara spontan bagi kes yang melibatkan perubatan. Bolehkah saya dapatkan contoh isu perubatan yang beliau terlibat?
Isu sel stem dan berkhatan.
2. Adakah telah dikeluarkan fatwa mengenai *xenotransplantation*? Merujuk dapatan saya *xenotransplantation* adalah tidak dibenarkan dari aspek etika kerana sel di ambil dari haiwan dan dimasukkan kepada manusia. Bolehkah saya dapatkan 'guideline' yang telah dibuat?
3. Adakah JMS menyimpan dokumen bagi hasil analisis para pegawai dari bidang sains dan syariah dalam memutuskan isu berkaitan bioteknologi? Jika ada bolehkah saya dapatkan dokumen tersebut, Saya hanya ingin melihat apakah kaedah yang pakar sains gunakan dalam analisis setiap isu -isu tersebut (bagi membantu pihak jawatankuasa fatwa) mendapatkan keputusan dengan mengambil kira aspek agama.
Isu isu tersebut ialah:
 - Sel stem
 - Suntikan Botox
 - Pemindahan organ.
 - Suntikan enzim babi ke dalam haiwan ternakan
 - GMF

Jawapan:

- Bagi isu sel stem taklimat diberikan oleh Dato' Dr Musa Mohd. Noordin
- Isu suntikan botox merujuk pakar rujuk Fiqh Kerajaan Kuwait iaitu Dr. Ahmad al-Hajiy al Kurdiy
- Pemindahan organ: melibatkan pakar perubatan berkaitan.
- Suntikan enzim babi: sila rujuk JAKIM.
- Bagi isu GMF, JMS meminta Prof Madya Dr. Suhaimi Napis memberikan taklimat berkaitan. (Referral Expert bagi JMS).

Dokumen yang diberikan adalah sulit dan Hak milik kerajaan. Saudari hanya boleh menggunakannya sebagai rujukan peribadi bagi menambah kefahaman. Semoga ianya dapat memberi manfaat.

APENDIKS C

Soalan Kepada Prof. Madya Dr. Suhaimi Napis :

JAWATAN : Referral Expert bagi JMS /Pengarah Bioinformatik HPRI/ Pensyarah Jabatan Biologi sel dan Molekul.

Maklum balas melalui emel pada 26 April 2010

Masa 3.05 pm.

1. Adakah taklimat dari Dr. dan puan Mariam mengenai GMF dan bioteknologi makanan menyumbang kepada keputusan Jawatankuasa fatwa pada masa tersebut sehingga fatwa diwartakan??

Yes. I was responsible to explain to all muftis about the technology and it took close to 5 years before they can make the fatwa

2. Adakah Dr dan Puan Mariam memberi sumbangan secara langsung atau terlibat di dalam membantu pihak fatwa untuk menganalisis isu biotek makanan pada masa tersebut iaitu pada tahun 1999?

Yes. They understand about recombinant DNA technology in food production because of my explanation.

3. Adakah taklimat tersebut atas permintaan pihak fatwa atau daripada siapa? Jika ya bermakna Dr. telah membantu pihak fatwa bagi menganalisis isu GMF dari segi saintifik.

Yes. Majlis Fatwa Kebangsaan and JAKIM invited me to give the explanation. Scientific explanation helped the majlis to come up with the present fatwa. However, we need to revisit.

I attached some info about this issue.

Soalan Untuk Prof Dr. Madya. Suhaimi Napis

Maklum balas melalui emel pada 13 Mei 2010.

Masa: 4.59 pm

- 1. Bilakah permasalahan isu ini dibincangkan buat pertama kalinya? Fatwa mengenai Bioteknologi makanan dan minuman diwartakan pada tahun 1999. Merujuk pernyataan Dr isu ini mengambil masa selama 5 tahun untuk diputuskan. Bermakna pada tahun 1994 pihak jabatan Fatwa meminta inisiatif Dr utk menganalisis isu ini?**

Isu teknologi rekombinan ini timbul apabila satu akta mengenai Kod Makanan Codex Alimentarius dibincang dimana penglabelan produk GMO rancak di pertimbangkan di Bahagian Kawalan Mutu Makanan, Kementerian Kesihatan. Semasa perbincangan itu timbul isu samaada teknologi DNA rekombinan dan GMO adalah halal atau sebaliknya. Perbincangan Codex alimentarius tersebut adalah pada tahun 1994 dan pada masa itu juga satu inisiatif agar Majlis Fatwa Kebangsaan menimbangkan hukum teknologi ini. Saya sudah menganggotai kumpulan Codex Alimentarius dan terus diminta untuk memberikan pendidikan dan penjelasan mengenai teknologi ini kepada Majlis Fatwa Kebangsaan yang memakan masa lama agar Mufti benar-benar faham.

- 2. Apakah kaedah atau metodologi khas yang Dr aplikasikan dalam menganalisis isu GMF ini? Adakah hanya melibatkan suatu sesi perbincangan??**

Saya menggunakan pelbagai cara untuk menerangkan teknologi ini kepada Mufti yang sememangnya bukan ahli saintis. Saya menggunakan model, video, animasi dan juga *step-by-step explanation* bagi memastikan mufti benar-benar faham. Ini melibatkan beberapa sesi muzakarah sehingga mufti dapat memahami dan seterusnya dapat memberikan Qias dan hujah2 mereka untuk menimbangkan dan memberikan fatwa.

- 3. Bolehkah dr terangkan proses-proses yang terlibat sehinggalah suatu keputusan diputuskan berdasarkan aspek syariah dan saintifik..**

Penerangan yang banyak kali sehingga mereka dapat betul-betul faham teknologi ini. Selepas itu Mufti akan berbincang dan akan mengeluarkan hujah2 serta nas-nas, fatwa terdahulu, Qias, dan lain-lain. Majlis Fatwa Kebangsaan ada prosedur mereka sendiri bagi menjatuhkan sesuatu fatwa. Mohon Muna lihat dan rujuk pada Majlis. Saya ditugaskan untuk memberikan penerangan saintifik dengan bahasa yang amat mudah difahami oleh para ulamak yang sememangnya tidak arif mengenai teknologi baru. Alhamdulillah sebagai pensyarah, saya sememangnya ada kemahiran untuk memberikan kefahaman saintifik mengenai teknologi ini walaupun kepada individu seperti Mufti yang tidak mempunyai latar belakang sains.

APENDIKS C

- 4. Fatwa ini hanya melibatkan GMF penggunaan DNA babi..bagaimana dengan penggunaan GMF yang menyebabkan allergic?? Adakah fatwa ini merangkumi isu tersebut?**

Perbincangan adalah berfokuskan kepada rekombinan DNA teknologi yang melibatkan Babi sahaja walaupun terdapat juga perbincangan mengenai isu alahan/alergi. Secara amnya fatwa ini adalah mengenai teknologi rekombinan itu sendiri dan hukumnya adalah diharuskan. Bermakna kita diharuskan untuk membuat kajian dan memanfaatkan teknologi ini. Walaubagaimanapun, gen babi adalah diharamkan untuk digunakan sebab alternatif dari haiwan atau tumbuhan lain boleh diusahakan. Rujuk pada teks fatwa.

- 5. Adakah Dr dilantik sebagai panel analisis khas bagi Jawatankuasa Fatwa ini (untuk isu DNA babi) Setahu saya jika melibatkan kaedah saintifik, pihak mufti akan meminta pensyarah atau saintis dari mana-mana bahagian mengikut keperluan isu utk membantu dalam analisis isu.**

Sayadilantik khas sebagai panel Pakar Rujuk Bioteknologi (referrel expert) untuk memberikan penerangan mengenai perkara teknologi rekombinan DNA dan isu DNA dari babi dibincangkan. Saya tak faham mengenai panel analisis yang dimaksudkan. Setahu saya, saya seorang sahaja yang dilantik bagi menerangkan isu ini.

- 6. Selain dari Puan Mariam Abdul Latif, adakah Dr turut bekerjasama dengan organisasi atau badan-badan lain yang berkaitan?**

Saya dalam jawatankuasa penglabelan Codex Alimentarius bersama dengan Pn Mariam yang pada masa itu bertugas di Bhg Kawalan Mutu Makanan, Kem KESihatan. Beberapa kali saya dijemput untuk menerangkan mengenai isu teknologi ini kepada ILIM, Kem KESihatan dan juga IKIM.

- 7. Adakah wujud kerjasama yang baik di antara Dr dan pihak fatwa?**

Semestinya kerjasama baik perlu bagi memberikan kepercayaan untuk saya memberikan penerangan. Namun begitu yang menjadi sedikit kekangan adalah para Mufti akan bermuzakarah dalam bahasa Arap sedangkan saya tidak pandai berbahasa. Jadi, sayan tidak lah dapat berbincang secara mendalam apabila mufti memberikan hujjah beserta nas, dan qias serta Ayat Quran semasa perbincangan berjalan. Walaubagaimanapun ufti akan cuba memberikan penrangan dalam bahasa melayu tentang apa yang diperbincangkan supaya terdapat komunikasi dua-hala antara saya dengan Mufti.

APENDIKS C

- 8. Dari penelitian saya, kebanyakan maklumat adalah dikategorikan sebagai sulit oleh pihak jabatan fatwa dan JAKIM (bahagian penyelidikan). Terutamanya dokumen yang mengandungi butiran analisis isu-isu :ke arah pembentukan suatu keputusan untuk pengeluaran fatwa. Misalnya isu sel stem, botox dan pemindahan organ. Terdapat juga dokumen yang tidak lengkap. Apakah pandangan Dr mengenai hal ini?**

Mungkin itu adalah prosedur JAKIM bagi mengelakkan syak wasangka dan membincangkan isu oleh kalangan yang tidak layak kerana tiada pengetahuan mendalam tentang hal agama. Penyimpanan rekod adalah amat penting dan kehilangan rekod adalah merupakan sesuatu yang tidak boleh berlaku lebih-lebih lagi apabila ianya menyentuh bab agama.

- 9. Adakah jika maklumat tersebut diketahui umum akan menjejaskan panel yang terlibat dalam membuat keputusan. Pada hemat saya maklumat dari segi dalil dan hujah saintifik yang menyokong sesuatu fatwa akan menambah kefahaman masyarakat (mengelakkan kekeliruan) dan melahirkan keyakinan terhadap institusi fatwa.**

Interpretasi sesuatu dalil, hujah, nas dan lain adalah hanya boleh dibuat oleh Para ulama yang mahir dan berpengetahuan mendalam dalam hal agama. Adalah amat membahayakan sekiranya orang persaorangan yang mungkin tidak mempunyai pengetahuan yang cukup mendalam cuba membuat interpretasi mereka sendiri. Segala pelajaran dan pengajaran dalam tradisi Islam perlu ada Taklim wa taklum secara berdepan dalam kumpulan dan bukan dengan hanya membaca...Semua perlu ada muzakarah.

- 10. Merujuk kepada isu yang dipilih (GMF), adakah ia merupakan satu keperluan bagi masyarakat Malaysia ?**

Ya, keperluan masyarakat Malaysia. Segala penemuan saintifik harus kita manfaatkan dan GMF adalah satu teknologi yang memungkinkan kita mengatasi masalah pertanian dan pengeluaran makanan. Ianya akan dapat memberikan sumber kekayaan sesuatu buah negara apabila kaedah GMF digunakan untuk mengatasi banyak masalah pertanian dan agronomi.

Soalan Temubual Bersama Prof Madya Suhaimi Napis

TARIKH : 10 JUN 2010
TEMPAT : HPRI, Putrajaya.

1. Melalui kemunculan pelbagai isu bioetika adakah ini membuktikan Malaysia benar-benar maju dalam Bioteknologi?
Bioteknologi Malaysia adalah masih di peringkat awal namun usaha kerajaan dengan menyediakan dana, kemudahan dan pelbagai inisiatif melibatkan teknologi bagi bidang ini amat memberangsangkan.
2. Terdapat isu yang menyatakan pengambilan kepada GMF akan menyebabkan *allergen*, alahan dan sebagainya. Apakah pandangan prof mengenai kenyataan tersebut?
Pada hemat saya, sehingga kini (2010), ternyata tiada bukti saintifik yang benar-benar membuktikan GMF menimbulkan allergen, alahan atau yang sama dengannya. Kebanyakannya kontroversi yang timbul hanya lebih kepada pandangan sesetengah pihak tidak melibatkan ujian saintifik. Perlu memahami dengan jelas bagaimana proses melibatkan teknologi rekombinan DNA ini. Kedua, perlu mengambil kira aspek agama. berkemungkinan ada sesetengah pihak yang hanya memperbesarkan isu keburukan GMF agar negara yang sedang membangun seperti Malaysia tidak akan menerima teknologi tersebut bagi kebaikan masa hadapan. Namun jika melibatkan sumber babi itu sudah terang dan nyata haram (tidak dibenarkan).
3. Adakah di Malaysia terdapat satu bentuk panduan etika yang benar-benar menjurus kepada panduan isu berkaitan bioetika?
Sila rujuk Biosafety Act.
4. Bagaimanakah cara terbaik untuk kita menangani isu-isu bioetika ini namun pada masa yang sama tidak menolak kemajuan dalam bidang bioteknologi terkini?
Harus menerima ilmu terkini atau teknologi terkini bagi kemajuan negara dan kita tidak akan ketinggalan jauh di belakang.
Segala penemuan saintifik harus kita manfaatkan dan GMF adalah satu teknologi yang memungkinkan kita mengatasi masalah pertanian dan pengeluaran makanan. Ianya akan dapat memberikan sumber kekayaan sesebuah negara apabila kaedah GMF digunakan untuk mengatasi banyak masalah pertanian dan agronomi

APENDIKS C